




THE COLLABORATIVE INSTRUCTIONAL DESIGN SYSTEM (CIDS NEW-GEN) SISTEM REKA BENTUK INSTRUKSIONAL KOLABORATIF

MANUAL PENGGUNA: MODUL 3 - CIPTA KELAS

(Penerangan prosedur merancang pengajaran CIDS NEW-GEN)



Transforming teachers....inspiring learners...

MODUL 3: CIPTA KELAS

- a. **Penyelaras sahaja (peringkat sekolah)** akan cipta **kelas-kelas utama**
- b. Semua pengguna dapat menggunakannya.
- c. Kelas boleh **disunting oleh penyelaras sahaja** untuk **tujuan kemaskini jumlah murid** atau **membetulkan kesilapan ejaan pada kelas** tersebut.
- d. **Setiap pengguna** boleh mencipta **kelas gabung** masing-masing mengikut keperluan.
- e. **Semua pengguna** perlu cipta **jadual waktu instruksional** masing-masing.


A. Cipta Kelas

1. Cipta kelas-kelas utama

(dilaksanakan oleh **Penyelaras sahaja** untuk mencipta atau menyunting semua kelas-kelas. Kelas-kelas yang dicipta/disunting akan dapat dilihat dan digunakan oleh semua anggota ahli sekolah tersebut. Item pada paparan menu untuk penyelaras sahaja. Untuk pengguna lain sebahagian item menu tidak dipaparkan)

i. Kelas Utama

- Tekan **Tetapan – Cipta Kelas Baharu**
- Tekan dan pilih maklumat pada item **Kategori Kelas** dan **Aras Kelas**
- Isi **Nama Kelas** dan pilih atau isi **Bilangan Pelajar**
- Sila ikut arahan di sebelah kanan ruang untuk mendapat contoh
- Tekan **Simpan**
- Tekan **Sunting Kelas** untuk menyunting Kelas (***hanya untuk sunting jumlah murid atau sunting nama kelas yang tersalah ejaan sahaja.***)



Contoh:



Nama Sekolah	HELP CENTRE	
Kategori Sekolah	Sekolah Rendah	Tekan dan pilih kategori kelas
Aras Kelas	Tahun 1	Tekan dan pilih aras kelas
Nama Kelas	2 ALPHA	Isi nama kelas (Contoh: 4 Bestari)
Bilangan Pelajar	20	Tekan dan pilih atau isi bilangan pelajar
Simpan Batal		

2. **Untuk Kelas Pemulihan** (Sekolah rendah) – Contoh maklumat yang perlu dipilih/dimasukkan seperti berikut:

- **Kategori Sekolah:** Sekolah Rendah
- **Aras Kelas:** Pemulihan Khas
- **Nama Kelas:** (namakan) Contoh: 1 A Pemulihan

(Nama Kelas – perlu cipta nama yang berbeza dengan kelas biasa. Contoh: *1 Pemulihan*)

iii. Untuk Prasekolah:

- **Kategori Sekolah:** Prasekolah
- **Aras Kelas:** Prasekolah (atau Prasekolah Ketidakupayaan Pendengaran dsb)
- **Nama Kelas:** (namakan mengikut keperluan sekolah. Contoh: Prasekolah Kemboja)

iv. Untuk Sekolah Menengah

- **Kategori Sekolah:** Sekolah Menengah
- **Aras Kelas:** Tingkatan 1 (dll)
- **Nama Kelas:** ((namakan mengikut keperluan sekolah. Contoh: Ting 1 Melor

v. Untuk Prauniversiti

- **Kategori Sekolah:** Sekolah Menengah
- **Aras Kelas:** Prauniversiti (atau STAM)
- **Nama Kelas:** (namakan) Contoh: PraU 1 (dsb)

vi. Untuk Pendidikan Khas (Sekolah Rendah)

- **Kategori Sekolah:** Sekolah Rendah
- **Aras Kelas:** Tahun 1 Pendidikan Khas (Masalah Pembelajaran (dll)
- **Nama Kelas:** (namakan) Contoh: Tahun 1 PKMelor

vii. Untuk Pendidikan Khas (Sekolah Menengah)

Kaedah 1: (semua murid Kefungsian Rendah & Sederhana dalam satu kelas)

- **Kategori Sekolah:** Sekolah Menengah
- **Aras Kelas:** Tingkatan 1 Pendidikan Khas
- **Nama Kelas:** (namakan) Contoh: Tingkatan 1 PKMelor

Untuk mencipta rekod – pastikan Nama subjek/kategori (Rujuk Bantuan – Rujukan Sukatan & Kategori Subjek

(Jika subjek diajar mengandungi lebih daripada 1 – contoh sekolah SKM/Prasekolah/Integrasi sivik dalam subjek pengajaran - sila guna kaedah modular untuk mencipta rekod – sila lihat **Bantuan - Manual pengguna: Memulakan Perancangan (Cipta Rekod Pembelajaran Modular)**

Kaedah 2: (murid Kefungsian Rendah & Sederhana jika dalam kelas berasingan)

- **Kategori Sekolah:** Sekolah Menengah
- **Aras Kelas:** Pendidikan Khas Kefungsian Rendah (atau sederhana)
- **Nama Kelas:** (namakan) Contoh: Tingkatan 1 PK(R)Melora atau Tingkatan 1 PK(S)Melor

Untuk mencipta rekod – pastikan Nama subjek/kategori
(Contoh: **Bahasa Melayu** adalah **komponen** bagi **Subjek Komunikasi** dalam kategori **Kemanusiaan**)

2. Sunting Kelas – untuk kemaskini jumlah murid dan membetul kesilapan ejaan pada kelas Sahaja (item-item paparan menu ini hanya untuk penyelarar sekolah)

- Tekan **Tetapan – Sunting Kelas**



Paparan Sunting Kelas

- Sila baca arahan dari info untuk melaksanakan opsyen yang terdapat pada paparan sunting kelas

Sunting Kelas					
Senarai maklumat kelas yang hendak disunting					
 Apa perlu saya buat? 					
No.	Kelas	Bilangan Pelajar	Jenis Kelas	Status	Tindakan
1	1 Alpha	15	Biasa	Papar	Sunting Tetapkan Profil Pelajar Hapus Sembunyi
2	1 baru	1	Biasa	Papar	Sunting Tetapkan Profil Pelajar Hapus Sembunyi
3	1 Beta	20	Biasa	Papar	Sunting Tetapkan Profil Pelajar Hapus Sembunyi

Anda akan menyunting **Kelas Asas** (dilaksanakan oleh *penyelaras sahaja*) atau menyunting kelas gabungan (untuk *penyelaras atau guru bagi kegunaan sendiri*). X

Perhatian:

Kelas Asas - disunting untuk perubahan **bilangan murid sahaja**.

Jika terdapat perubahan **nama kelas baharu, Sembunyi/Arkib** kelas tersebut (sebab kelas ini masih diguna dalam rekod-rekod terdahulu)

Cipta Kelas asas baharu.

Fungsi fitur-fitur di laman ini

- Tekan **Sunting** – untuk **menyunting kelas** jika ada perubahan pada **bilangan** murid sahaja (bilangan lama yang ada pada rekod lama masih kekal - tidak terjejas).
- Tekan **Sembunyi/Arkib** – untuk kelas yang tidak digunakan sekarang tapi masih berfungsi pada rekod-rekod RPH yang lepas.
- Tekan **Papar** apabila ingin kelas itu dipaparkan semula setelah disembunyikan.
- Tujuan **Sembunyi/Arkib** –
 - tidak menggunakan kelas tersebut tetapi mungkin ingin digunakan semula masa akan datang.
 - RPH yang lalu tidak akan kehilangan nama kelas (masih ada pautannya dengan nama kelas)
 - amat disyorkan untuk tekan **Sembunyi** bagi kelas-kelas yang tidak digunakan lagi tetapi telah digunakan pada RPH yang lalu.
 - Analisis statistik untuk pentadbir akan tepat

3. **Cipta Kelas Gabung** – untuk semua guru yang terlibat dalam kelas gabung:

Contoh: Seorang Guru PJ mengajar kelas 2A dan 2B untuk murid laki-laki pada satu masa untuk pengajaran yang sama.

Peringatan – untuk mencipta kelas gabung, kelas asas perlulah terlebih dahulu dicipta oleh **penyelaras** oleh kerana kelas asas digunakan untuk gabungan (item-item paparan menu ini hanya untuk **penyelaras**)

- Tekan **Tetapan – Cipta Kelas Gabung**
- Pilih/isi maklumat penting



Cipta Kelas Gabungan

Kelas yang dicipta hasil

Isi atau pilih maklumat yang diperlukan bagi mencipta kelas gabungan yang terdiri daripada kelas-kelas yang sama aras.

Nama Institusi	HELP CENTRE
Kategori Institusi	Tekan & Pilih Tekan dan pilih kategori kelas
Aras Kelas	Tekan & Pilih Tekan dan pilih aras kelas
Nama Kelas Bergabung	Tulis/namakan Tuliskan nama kelas gabungan (contoh: 4 Bestari + Pintar). Tekan di sini untuk paparan senarai kelas gabungan bagi mengelak pengulangan ciptaan kelas yang sama.
Pilih Kelas Untuk Digabung	Tekan & Pilih Tentukan pilihan anda atau isi
Bilangan Pelajar	1 Tekan & Pilih Tekan dan pilih atau isi bilangan pelajar

Simpan
Batal

Contoh: Cipta Kelas Gabung

Kategori Institusi	Sekolah Rendah 
Aras Kelas	Tahun 1 
Nama Kelas Bergabung	Tahun 1 PJKem-Ken Tuliskan nama kelas gabungan (contoh: 4 Bestari + Pintar). Tekan di sini untuk paparan senarai kelas gabungan bagi mengelak pengulangan.
Pilih Kelas Untuk Digabung	Tahun 1 Kemboja  Tahun 1 Kenanga 
Bilangan Pelajar	25 
Simpan Batal	



Berjaya! Kelas telah dikemaskini.

Anda boleh terus tetapkan profil pelajar atau cipta kelas baharu

Kembali

Tetapkan Profil Pelajar

Cipta Kelas Gabungan

RUMUSAN

- **Nama Kelas utama** dicipta oleh **penyelaras sahaja kecuali kelas** cantum/gabung dalam situasi tertentu.
- **Kelas Gabung** boleh dicipta oleh guru yang mengajar subjek berkaitan mengikut keperluan
- Kelas boleh **disunting (untuk kemas kini jumlah murid dan membetulkan kesilapan ejaan Sahaja.**
- **Kelas yang tidak digunakan boleh disembunyi oleh penyelaras.**